

MyeongDong Topokki lebar sayap ke Indonesia



Vincent bersama Andi pada majlis menandatangani MoU antara MyeongDong Topokki Malaysia dan PT Prima Utama Rasa, Indonesia di Kuala Lumpur, semalam sambil disaksikan Shamshuzaman, Muhammad Shukri (kiri) dan Ketua Wilayah Selatan Perbadanan Nasional Berhad, Najib Hassan (kanan). (Foto Nurul Shafina Jemenon/BH)

Restoran Korea jenama tempatan jalin kerjasama dengan PT Prima Utama Rasa

Oleh Saadiah Ismail
saadiah_ismail@bh.com.my

Kuala Lumpur: Restoran MyeongDong Topokki Malaysia yang menyajikan menu rasa asli berasaskan, Korea Street Food melebarkan sayap ke Jakarta, Indonesia dengan menjalinkan kerjasama bersama PT Prima Utama Rasa, Indonesia untuk Great Jakarta (Jabodetabek) bagi meluaskan pasaran di negara jiran itu.

Ketua Pegawai Eksekutif MyeongDong Topokki, Vincent Lua, berkata kerjasama itu terjalin berdasarkan permintaan tinggi terhadap hidangan berkenaan khususnya daripada generasi muda, namun penawarannya kurang di ibu negara berkenaan.

Katanya, selain itu cita rasa hidangan yang dianggap hampir sama dengan penduduk di Malaysia, menjadikan antara faktor penting kepada termeterainya kerjasama antara dua negara itu.

"MyeongDong Topokki Malaysia adalah satu jenama tempatan yang sudah bertapak lima tahun di negara ini dan kini mempunyai 30 rangkaian restoran casual di seluruh negara, dengan setiap satu rangkaian restoran mampu meraih keuntungan hampir RM200,000 sebulan.

"Justeru, kerjasama ini peluang keemasan dan sememangnya hasrat kami untuk meluaskan lagi pasaran hidangan makanan popular ini ke peringkat antarabangsa dan Indonesia adalah negara pertama bagi me-

realisasikan hasrat itu.

"Terdahulu, kami turut melaksanakan tinjauan dan kajian mengenai pasaran di negara itu serta mendapatkan nasihat pakar mengenai kerjasama dan inovasi yang ingin dilakukan, selain sokongan daripada kerajaan bagi menjayakan kerjasama ini.

"Kami yakin, kerjasama antarabangsa antara dua negara ini akan memacu gelombang baharu terhadap industri makanan dan minuman pada peringkat antarabangsa," katanya yang menyasarkan jalinan kerjasama dengan Thailand selepas ini.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara MyeongDong Topokki Malaysia dan PT Prima Utama Rasa, Indonesia, dekat sini, semalam.

MoU itu ditandatangani antara Vincent yang mewakili MyeongDong Topokki, manakala Jakarta Master Franchisee diwakili oleh Andi Antoni dan disaksikan, Pengarah Bahagian Pembangunan Francais, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri serta Hal Ehwal Pengguna

(KPDNHEP), Shamshuzaman Sulaiman dan Setiausaha Agung Persatuan Francais Malaysia, Muhammad Shukri Salleh.

Sementara itu, Andi berkata, trend hidangan Korea, terutama di Jakarta adalah tinggi dan

potensi untuk membuka rangkaian di ibu negara berkenaan sangat besar.

"Ketika ini, belum ada syarikat yang menembusi pasaran Indonesia untuk hidangan ini, jadi saya ingin bawakan menu

Korea yang dimiliki sepenuhnya oleh jenama tempatan dari Malaysia sebagai tanda sokongan dua hala.

"Melalui kerjasama ini, kami juga mengharapkan ia akan terus berkembang dengan sekurang-kurangnya lima rangkaian restoran MyeongDong Topokki akan berada di Jakarta dalam tempoh masa setahun," katanya.

Sementara itu, Shamshuzaman menjelaskan, hubungan kerjasama dua hala amat disokong oleh kerajaan dalam usaha memastikan jenama tempatan dapat menembusi hingga pasaran antarabangsa.

"Sehingga penghujung Disember ini, dianggarkan kira-kira 70 jenama tempatan berjaya menempah nama ke peringkat antarabangsa antaranya di Qatar, Timur Tengah, Moscow, Rusia dan Morocco, Afrika Utara.

"Bukan setakat industri makanan dan minuman, pendidikan awal kanak-kanak juga kini semakin mendapat tempat hingga ke peringkat antarabangsa," katanya.



Restoran MyeongDong Topokki Malaysia di pusat beli-belah Paradigm.

(Foto Khairul Azhar Ahmad/BH)



Kerjasama ini peluang keemasan dan sememangnya hasrat kami untuk meluaskan lagi pasaran ke peringkat antarabangsa.

Vincent Lua,
Ketua Pegawai Eksekutif MyeongDong Topokki



Ketika ini, belum ada syarikat yang menembusi pasaran Indonesia untuk hidangan ini, jadi saya ingin bawakan menu Korea sebagai tanda sokongan dua hala.

Andi Antoni,
Wakil Jakarta Master Franchisee